

TARIKH: 26/9/23.  
SURAT KHABAR: Sinar Harian.  
MUKA SURAT: 26.

26 NEGERI

SINAR HARIAN • SELASA 26 SEPTEMBER 2023

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian  
sinarharian.com.my

SELANGOR/KL PERAK  
TELUS & TULUS • TIDAK DICENKAM OLEH TA

# Segera rangka dasar baharu pengurusan sungai

Sultan Nazrin bertitah menjaga kelestarian alam sekitar tanggungjawab bersama

KUALA LUMPUR

**B**agi menangani isu berkaitan kelestarian sungai-sungai, dasar dan pendekatan baharu yang lebih sesuai dengan mengambil kira segala kelemahan dalam aspek pengurusan lembangan sungai perlu dirangka segera, titah Sultan Perak Sultan Nazrin Shah.

Baginda bertitah selain meladani negara-negara yang memperlihatkan kejayaan melestarikan sungai secara tuntas, kerangka baharu yang segar, teratur dan lebih berdaya maju diperlukan memandangkan ramai anggota masyarakat masih belum peka dan cakna walaupun pelbagai dasar dan program telah diusahakan.

"Pelestarian sungai bermaksud kerangka membaik pulih dan menambah baik kualiti air sungai supaya sentiasa bersih dan boleh digunakan. Ia tanggungjawab semua pihak, bukan tanggungjawab yang terbatas atau khusus kepada sesebuah agensi atau badan bukan kerajaan (NGO).

"Tanggungjawab melestarikan sungai perlu diserlahkan dalam bentuk amalan hidup yang mesra alam dan sikap proaktif untuk memberi sumbangan atau bersedia membayar kos yang diperlukan," titah baginda



FOTO: BERNAMA

Sultan Nazrin (tengah) berkenan menyempurnakan pelancaran buku *Tafsir Mawdu'i Sungai: Perspektif Islam Tentang Alam Sekitar* karya Prof Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff dan Datuk Dr Zaini Ujang di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya pada Isnin.

pada majlis pelancaran buku *Tafsir Mawdu'i Sungai: Perspektif Islam Tentang Alam Sekitar* di sini pada Isnin.

Sultan Nazrin bertitah pelestarian sungai adalah bersifat budaya dan geopolitik serta tidak mungkin berjaya ditangani dengan kerangka lama yang tegar dan bersegmen.

Titah Sultan Nazrin, pendekatan yang lebih bersifat manusiawi perlu ditingkatkan dalam hasrat dan usaha meningkatkan kesedaran dan kesediaan masyarakat untuk melestarikan alam sekitar.

"Masyarakat perlu diinsafkan bahawa manusia dan alam sekitar saling berkait rapat.

"Jika bahasa melambangkan bangsa, tahap kesihatan ekosistem sungai menggambarkan 'hati' masyarakat setempat. Aliran sungai yang indah amat berkait rapat dengan alir-

an yang indah dalam hati manusia," titah baginda.

Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2021 terhadap 670 sungai yang dipantau di Malaysia merekodkan 73 peratus iaitu 489 sungai menunjukkan indeks kualiti air bertaraf bersih, 24 peratus (158 sungai) bertaraf sederhana cemar manakala tiga peratus (23 sungai) bertaraf tercemar.

Sultan Nazrin berkenan menyempurnakan pelancaran buku *Tafsir Mawdu'i Sungai*, dihasilkan melalui integrasi ilmu oleh dua penulis dalam dua bidang berasingan; Prof Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff dalam bidang pengajian Al-Quran dan As-Sunnah manakala Datuk Seri Dr Zaini Ujang dalam bidang pengajian alam sekitar.

Buku yang diterbitkan Akademi Jawi Malaysia itu dihasilkan melalui gabungan disiplin ilmu wahyu dengan disiplin pengurusan, disiplin sains dan teknologi berkaitan sungai. - Bernama

